

KOLEKSI KEMUSYKILAN BERHUBUNG SAMBUTAN MAULID AL-RASUL SAW

Soalan 1: Apakah pandangan Jabatan Mufti Negeri Perak berhubung sambutan Maulid al-Rasul SAW sepertimana yang diamalkan oleh kebanyakan umat Islam di Malaysia pada masa ini?

Jawapan: Jabatan Mufti Negeri Perak telah diajukan persoalan seumpama ini oleh masyarakat terutamanya warga Muslim dalam Negeri Perak. Sehubungan dengan itu, dikemukakan hujahan bersandarkan dalil-dalil seperti yang berikut:

1. Al-Quran

Galakan menerusi al-Quran agar bergembira dengan perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai pelengkap kepada syariat yang terdahulu. Firman Allah SWT dalam surah Yunus, ayat 58:

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

Bermaksud: *"Katakanlah (wahai Muhammad): "Kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)".*

Al-Imam al-Suyuti telah menjelaskan ayat di atas dengan mengemukakan pandangan daripada Ibnu 'Abbas apabila menafsirkan kalimat rahmat pada kalimah **وَبِرَحْمَتِهِ** sebagai **بِمُحَمَّدٍ** iaitu dengan diutuskan Nabi Muhammad SAW. Oleh yang demikian, ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT menyuruh manusia agar bergembira atas rahmat-Nya dan sudah tentulah tidak ada rahmat yang lebih besar di sisi Allah melainkan dengan perutusan Nabi Muhammad SAW. Hal ini ditegaskan lagi menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Bermaksud: *"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."*

2. Al-Sunnah

Semasa hayat Rasulullah SAW, seorang hamba wanita telah bernazar untuk menyambut kepulangan Baginda dengan cara yang tersendiri dan tindakan beliau ini telah diakui oleh Rasulullah SAW. Kisah ini telah diceritakan oleh seorang sahabat iaitu Buraydah al-Aslami RA:

خرج رسول الله ﷺ في بعض مغازيه، فلما انصرف جاءت جارية سوداء فقالت: يا رسول الله، إني كنت نذرت إن ردك الله سالماً أن أضرب بين يديك بالدف وأتغنى. فقال لها رسول الله ﷺ: إن كنت نذرت فاضربي وإلا فلا.

Bermaksud: "Rasulullah SAW telah keluar ke suatu peperangan. Apabila Baginda pulang, seorang hamba wanita yang berkulit hitam telah datang menghadap Baginda lalu berkata: "Wahai Rasulullah, saya telah bernazar sekiranya Allah mengembalikanmu dalam keadaan selamat maka saya akan memukul gendang di hadapanmu sambil menyanyi." Rasulullah SAW bersabda kepadanya: "Jika demikian, lakukanlah melainkan jika engkau tidak menazarkannya."

Riwayat al-Tirmizi (3690)

3. Kaedah Fiqh

Terdapat beberapa kaedah fiqh yang menjelaskan sesuatu amalan berdasarkan qarinah tertentu.

فما رأى المسلمون حسناً فهو عند الله حسن، وما رأوا سيئاً فهو عند الله سيء¹

Bermaksud: "Maka apa-apa yang dipandang baik oleh orang-orang Islam sebagai sesuatu amalan yang baik maka ia adalah baik di sisi Allah dan apa-apa yang dipandang oleh orang-orang Islam sebagai sesuatu yang keji maka ia adalah keji di sisi Allah."

Riwayat Ahmad (3600)

للسائل حكم المقاصد

Bermaksud: "(Hukum) untuk cara/jalan sesuatu itu mengikut hukum apa yang dimaksudkan/diniatkan."

Setelah meneliti pelbagai pandangan, Jabatan Mufti Negeri Perak berpendapat bahawa sambutan Maulid al-Rasul SAW yang diamalkan oleh kebanyakan umat Islam di Malaysia pada masa ini adalah harus. Berdasarkan pengamatan Jabatan Mufti Negeri Perak berhubung sambutan Maulid al-Rasul SAW, beberapa elemen yang penting telah diterapkan iaitu:

- i. Sambutan ini memupuk semangat kecintaan dan penghormatan ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW sempena perutusan Baginda kepada seluruh umat manusia.

¹ Kalam ini merupakan kata-kata daripada 'Abdullah bin Mas'ud RA. Sanadnya bertaraf hasan kerana perawi-perawinya adalah thiqah (dipercayai). Lihat Joll, Muhadir. 2015. *Kekeliruan Umat Inilah Jawapannya*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd. m.s. 283.

- ii. Ia diserikan dengan amalan-amalan sunnah seperti pembacaan al-Quran, berdoa, berselawat, pembacaan Sirah Rasulullah SAW serta diakhiri dengan jamuan makan kepada para tetamu yang hadir dalam majlis berkenaan.
- iii. Kehadiran para tetamu ke majlis tersebut telah mempamerkan sikap perpaduan menerusi amalan silaturrahim sepertimana yang yang dianjurkan oleh Islam.

Soalan 2: Apakah hukum berdiri ketika membaca selawat ke atas Rasulullah SAW semasa sambutan Maulid al-Rasul SAW?

Jawapan: Amalan berdiri kerana menghormati seseorang telah pun diamalkan oleh para sahabat sebagai penghormatan mereka kepada Rasulullah SAW. Seorang sahabat terkenal iaitu Abu Hurairah RA telah menceritakan:

كان والنبي ﷺ يجلس معنا في المجلس يحدثنا فإذا قام قمنا قياما حتى نراه قد دخل

Bermaksud: “Pernah Rasulullah SAW berbicara dengan kami. Apabila Baginda berdiri, kami pun berdiri sehingga kami melihat Baginda masuk (ke dalam rumahnya).”

Riwayat Abu Daud (4775)

Dalam situasi yang lain, Rasulullah SAW telah mengarahkan golongan Ansar agar berdiri untuk menghormati ketua mereka iaitu Saidina Saad bin Muaz menerusi sabda Baginda:

قوموا إلى سيدكم

Bermaksud: “Bedirilah bagi penghulu kamu.”

Riwayat al-Bukhari (3043)

Berdiri juga adalah simbolik penghormatan seseorang terhadap sesuatu yang wajar dihormati. Sebagai contoh, berdiri ketika menyanyikan lagu Negaraku. Malah, di antara adab bagi seseorang murid ialah hendaklah ia berdiri apabila guru memasuki kelas. Dalam situasi yang lain, Rasulullah SAW pernah berdiri bagi menghormati jenazah yang dibawa melalui hadapan Baginda. Diriwayatkan daripada Qayyis bin Sa’ad dan Sahl bin Hunayf RA katanya:

إن رسول الله ﷺ مرت به جنازة فقام. فقيل: إنه يهودي. فقال: أليست نفسا.

Bermaksud: “Sesungguhnya Rasulullah SAW telah dibawa di hadapannya sebuah jenazah lalu Baginda berdiri. Dikatakan kepada Baginda: Sesungguhnya ini adalah jenazah Yahudi. Sabda Baginda: Bukankah ia adalah insan?”

Riwayat Muslim (961)

Seorang ulama hadis yang masyhur iaitu al-Sheikh Muhammad bin ‘Alawi bin ‘Abbas al-Maliki telah menjelaskan berhubung isu ini di dalam kitabnya, *al-Bayan wa al-Ta’rif fi Zikra al-Mawlid*

al-Nabawiyy al-Syarif Dhamnun Majmu' Latif Unsiyy fi Saigh al-Mawlid al-Nabawiyy al-Qudsiyy
pada muka surat 345 hingga 348:

قد جرت العادة بالقيام عند قراءة مولده عليه الصلاة والسلام لدى ذكر الوضع الشريف، وما يتبعه من حسن التوصيف، وهذا القيام لم يفعله السلف، وإنما عمل به من بعدهم من الخلف، وليس هو في الحقيقة للذات المحمدية كما توهمه قوم من البرية، فاعترضوا وأطنبوا، وإلى إنكار فعله ذهبوا، وإنما هو قيام فرح و سرور، وابتهاج وطرب وحبور، ببروزه صلى الله عليه وسلم لهذا الوجود، وإشراق نوره فيه على كل موجود، و شكر لله تعالى على ما به أولى من هذه النعمة العظيمة،..... ويصح أن يكون هذا القيام الذي يقع عند ذكر ولادته، لتصور السامع في تلك اللحظة أن الكون كله في فرح و سرور بولادة النبي صلى الله عليه وسلم، وخروجه إلى الدنيا؛ فيقوم السامعون جميعاً فرحاً و سروراً وابتهاجاً بهذه النعمة، معبرين بذلك عن شعورهم وحبهم، فهي مسألة عادية محضة، و ليست عبادة ولا شريعة ولا سنة

Bermaksud: "Telah menjadi adat (kebiasaan) untuk berdiri ketika bacaan Maulid al-Rasul SAW. Apa-apa yang dicontohi dari segi kebaikan akhlak maka amalan berdiri seperti ini bukanlah dari amalan Salaf al-Soleh bahkan ia telah diamalkan oleh generasi selepas mereka iaitu dari golongan Khalaf. Bukanlah berdiri itu secara hakikatnya kerana tubuh badan Nabi Muhammad SAW sepertimana yang ditohmah oleh golongan al-Bariyyah. Mereka membantah serta bersikap keras terhadap amalan tersebut. Sedangkan berdiri di sini dengan maksud kegembiraan dan keriangannya terhadap keunggulan Baginda SAW atas perutusannya di bumi ini. Cahayanya berkilauan ke serata tempat. Oleh itu, kesyukuran ke hadrat Allah Taala atas nikmat yang agung ini lebih-lebih lagi diutamakan.... Dan sah (hukumnya) dengan menjadikan amalan berdiri ketika berselawat sebagai gambaran kepada para pendengar pada ketika itu bahawa ia sedang bergembira dengan keriangannya kerana kelahiran Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, berdirilah para pendengar keseluruhannya dengan kegembiraan yang sebenar atas kurniaan nikmat ini. Ia menjadi 'ibrah dari segi syiar dan kecintaan mereka kepada Baginda. Inilah yang dikatakan permasalahan 'adat yang mulia dan ia bukanlah dianggap sebagai perkara ibadah, syariah mahupun sunnah."

Oleh yang demikian, berdiri semasa mengalunkan selawat terutama dalam sambutan Maulid al-Rasul SAW adalah merupakan satu penghormatan terhadap keagungan dan kemuliaan Rasulullah SAW yang telah menyampaikan ajaran Islam kepada umatnya. Namun begitu, amalan seperti ini hendaklah tidak dijadikan sebagai amalan wajib sebaliknya hanyalah sebagai adat kebiasaan setempat yang diterapkan beserta amalan-amalan ketaatan seperti membaca al-Quran, berdoa, berselawat, mendengar tazkirah serta bersedekah menerusi jamuan makan.